

DATUK SERI DR. SALLEH SAID KERUAK
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MALAYSIA

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998
ARAHAN MENTERI BERKENAAN PENGGUNAAN SPEKTRUM DI DALAM
JALUR FREKUENSI 1710MHz HINGGA 1880MHz (JALUR 1800MHz)
ARAHAN No. 3 TAHUN 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] (Akta), Menteri dengan ini mengeluarkan arahan yang berikut kepada Suruhanjaya:

Pemakaian dan tarikh kuat kuasa

2. Arahan ini bolehlah disebut sebagai **Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 1710MHz Hingga 1880MHz (jalur 1800 MHz) No. 3 Tahun 2016** dan mula berkuat kuasa pada tarikh pendaftaran Arahan ini.

Tafsiran

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa terma hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya.

Penyelarasan Jalur Frekuensi 1710MHz Hingga 1880MHz (jalur 1800MHz) untuk Perkhidmatan Bergerak Jalur Lebar

4. Untuk menggalakkan penggunaan spektrum yang lebih efisien dengan teknologi baru serta mempertingkatkan lagi persaingan dalam pemberian perkhidmatan internet jalur lebar bergerak, Suruhanjaya diarahkan untuk menyusun semula penggunaan jalur frekuensi 1710MHz hingga 1880MHz (jalur 1800 MHz).
5. Suruhanjaya hendaklah mengambil langkah-langkah segera di bawah peruntukan Akta dan perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya untuk menyelaraskan penguntukan di jalur frekuensi 1710MHz hingga 1880MHz (jalur 1800MHz) bermula pada atau sebelum 1 April 2016.

Mukasurat 1 daripada 3

Spektrum untuk perkhidmatan bergerak jalur lebar


6. Salah satu matlamat dasar kebangsaan dalam Akta ialah menjadikan Malaysia sebagai pusat dan tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan komunikasi dan perkhidmatan maklumat dan kandungan multimedia.
7. Dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut, pihak Kerajaan telah mengambil kira antara lain, perkara-perkara berikut dalam pengagihan spektrum di bawah inisiatif penyusunan semula spektrum untuk perkhidmatan bergerak jalur lebar:
 - (a) Meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar kepada rakyat selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia ke 11 dan seterusnya;
 - (b) Menyelaraskan pengagihan spektrum kepada pengusaha-pengusaha perkhidmatan jalur lebar sedia ada;
 - (c) Menggalakkan penggunaan spektrum secara lebih efisien untuk meningkatkan kapasiti rangkaian dan kualiti perkhidmatan bergerak sedia ada;
 - (d) Menyokong penyedia perkhidmatan bergerak jalur lebar *International Mobile Telecommunications* (IMT) sedia ada untuk terus melabur dan memainkan peranan penting dalam memacu perkembangan industri komunikasi dan multimedia; dan
 - (e) Menawarkan perkhidmatan bergerak jalur lebar pada harga yang lebih rendah berbanding dengan harga sedia ada serta berpandukan garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya.
8. Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta dan perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya, Suruhanjaya diarahkan untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - (a) Mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk menyediakan jalur frekuensi 1710MHz hingga 1880MHz (jalur 1800MHz) untuk digunakan bagi tujuan pemberian perkhidmatan bergerak jalur lebar secepat mungkin;
 - (b) Melaksanakan penguntukan di dalam jalur frekuensi 1710MHz hingga 1880MHz (jalur 1800MHz) kepada pemberi perkhidmatan bergerak jalur lebar di bawah Bab 1 Bahagian VII dalam Akta seperti berikut:

	Nama Pemegang Lesen	Jalur Frekuensi yang Diperuntukkan
1.	Celcom Mobile Sdn Bhd (No. Syarikat: 27910-A)	1745MHz hingga 1765MHz / 1840MHz hingga 1860MHz
2.	Digi Telecommunications Sdn Bhd (No. Syarikat: 201283-M)	1765MHz hingga 1785MHz / 1860MHz hingga 1880MHz
3.	Maxis Mobile Services Sdn Bhd (No. Syarikat: 73315-T)	1710MHz hingga 1730MHz / 1805MHz hingga 1825MHz
4.	U Mobile Sdn Bhd (No. Syarikat: 223969-U)	1730MHz hingga 1745MHz / 1825MHz hingga 1840MHz

- (c) Mengambil kira segala komitmen yang ditawarkan kepada pihak Kerajaan;
- (d) Peruntukan di dalam jalur frekuensi 1710MHz hingga 1880MHz (jalur 1800MHz) adalah tertakluk kepada terma dan syarat serta keperluan tambahan yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya termasuk harga spektrum, supaya penyusunan semula spektrum dan kepentingan pemegang-pemegang spektrum sedia ada dalam jalur frekuensi tersebut diambil kira;
- (e) Mengenakan syarat supaya tiada perubahan dalam pegangan saham di dalam syarikat-syarikat yang disebut di perenggan 7(b) di atas kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu;
- (f) Memastikan syarikat-syarikat yang disebut di perenggan 7(b) di atas menawarkan perkhidmatan bergerak jalur lebar pada harga yang lebih rendah berbanding dengan harga sedia ada serta berpandukan garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (g) Mengambil apa-apa langkah dan tindakan supaya Arahan ini dilaksanakan dengan sempurna; dan
- (h) Menteri boleh pada bila-bila masa mengubahsuaikan, mengubah atau membatalkan Arahan ini.

Tarikh: 13 Januari 2016

SKMM(S)03-MOS/100.016/Jld.01(2)



(SALLEH SAID KERUAK)

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia